



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO	
TARIKH	:	7/11/2018	MUKA SURAT : 18
JABATAN	:	ZOO NEGARA / PANDA	
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>	

## Anak panda betina jadi tarikan pengunjung Zoo Negara

Oleh RUZANI ABDUL RAZAK

**KUALA LUMPUR** - Bersempena cuti umum perayaan Deepavali, warga kota mengambil peluang untuk bersiar-siar bersama keluarga di beberapa kawasan tumpuan ramai di sekitar ibu negara semalam.

Tidak ketinggalan, Zoo Negara di Hulu Kelang dekat sini apabila dikunjungi ramai pengunjung yang kebanyakannya mahu melihat perkembangan seekor anak panda di Pusat Konservasi Panda Gergasi.

Anak panda betina yang lahir pada 14 Januari lalu itu kini sudah memaparkan ciri-ciri panda dengan wujudnya tompok-tompok hitam pada badannya.



**PENGGUNJUNG** melihat anak panda gergasi sempena cuti umum Deepavali di Zoo Negara, Hulu Kelang semalam.

Anak panda yang belum diberi nama tersebut merupakan anak kedua pasangan panda gergasi, Liang Liang dan Xing Xing.

Sebelum ini pasangan

panda gergasi itu telah melahirkan seekor anak panda betina bernama Nuan Nuan pada 18 Ogos 2015.

Bagaimanapun, Nuan Nuan dihantar pulang ke China pada 14 November

tahun lalu sebagai memenuhi syarat perjanjian antara Malaysia dan China.

Sementara itu, tinjauan *Kosmo*/semalam juga mendapati warga asing membanjiri beberapa lokasi

tumpuan ramai seperti di sekitar Menara Berkembar Petronas, Pasar Seni, Masjid India dan Jalan Petaling.

Warga asing itu terdiri daripada Indonesia, Myan-

mar, Bangladesh dan Nepal yang kebanyakan mereka bekerja di Malaysia.

Mereka berkumpul beramai-ramai untuk mengisi masa lapang serta berjumpa rakan-rakan senegara.



**SEBAHAGIAN** warga asing yang membanjiri sekitar Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur semalam.